



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGGUNAAN MEDIA ELEKTRONIK DALAM
PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI KALANGAN GURU-GURU DI DAERAH
KINTA, IPOH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ROZITA BINTI OMAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi

**KESAN PENGGUNAAN MEDIA ELEKTRONIK DALAM PROSES PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN DI KALANGAN GURU-GURU
DI DAERAH KINTA, IPOH**

ROZITA BINTI OMAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi



Kertas projek yang bertajuk **“Kesan Penggunaan Media Elektronik dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di kalangan Guru-guru di Daerah Kinta, Ipoh”** oleh **Rozita binti Omar** merupakan sebahagian daripada syarat untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Diluluskan oleh :



Encik Zahari Hashim
Fakulti Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Penyelia / Pemeriksa)

Tarikh : 26 Mei 2005





PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dari ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

26 Mei 2005

ROZITA BINTI OMAR
2003-01266





PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi di aias kesihatan dan ketenangan fikiran yang telah diberikanNya kepadaku dalam usaha menyiapkan penyelidikan yang bertajuk “KESAN! PENGGUNAAN MEDIA ELEKTRONIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI KALANGAN GURU-GURU DI DAERAH KINTA, IPOH”. Walaupun pelbagai pengorbanan harus ditempuh, namun ia tidak menjadi satu alasan dalam usahaku untuk menyiapkan tugas ini bak kata Pepatah Melayu:

**“Kalau tidak dipecahkan ruyung
Manakan dapat sagunya”**

Hasil tugas ini, tidak hanya berakhir dengan inisiatifku sendiri. Bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar turut kuperoleh. Justeru, inginku merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Zahari bin Hashim selaku penyelia dalam penyelidikan ini. Tunjuk ajar, nasihat, galakan dan bimbingan serta kesabaran dan sikap dedikasi beliau di sepanjang penulisan Disertasi ini amat disanjung tinggi.

Tiada erti kejayaan ini, jika tidak kucantumkan budi insan-insan yang sentiasa menyokong dan memberi dorongan serta sokongan bagi terus menyemarak lagi azamku untuk meneruskan perjuangan ini agar ia menjadi seberkas nostalgia abadi.

Buat suami tercinta Azizul bin Ahmad Ihsan....nan sentiasa senyum dengan rela, nan sentiasa pasrah dalam gelora. Pengorbanan, pengertian daripadamu adalah hikmah tekad perjuangan. Terima kasih atas restu dan pengorbanan yang tidak ternilai ini. Buat anak-anakku...Muhamad Izzat Hafiz dan Muhamad Izzat Akmal terima kasih kerana memahami karenah dan kekalutan ibumu.

Buat ayahanda dan bonda yang telah melahirkan dan melepaskan pemergianku adalah perjuangan abadi kalian. Api cita-cita didadaku adalah semangat jitu kalian yang sentiasa membakar di segenap pelusuk jiwa. Doa, galakan dan pengorbanan kalian akan dikenang sepanjang hayat.

Tidak ketinggalan juga kepada pihak sekolah serta semua rakan guru yang turut memberikan keizinan dan kerjasama dalam menjalankan kajian ini. Seterusnya ucapan terima kasih turut kutujukan kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan bahan, idea dan nasihat dalam menjayakan kajian ini.

Apalah erti kejayaan ini tanpa kalian.....terima kasih atas segalanya.





ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini bertujuan meninjau penggunaan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru di daerah Kinta. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti masalah yang berkaitan dengan penggunaan media elektronik dan pandangan guru mengenai keberkesanan penggunaan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran. Responden kajian terdiri daripada 153 orang guru daripada sebelas buah sekolah di daerah Kinta yang dipilih secara rawak. Pengumpulan data telah dibuat dengan menggunakan soal selidik. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik seperti kekerapan, peratusan ujian t, ANOVA sehala dan korelasi pearson. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penggunaan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran masih lagi berada pada tahap yang rendah. Hal ini dipengaruhi oleh beberapa masalah seperti kekurangan bahan atau perisian yang sesuai, beban tugas lain di sekolah dan kekangan masa. Sungguhpun begitu hasil analisis terhadap ciri-ciri demografi seperti jantina, umur, etnik, pendedahan kursus tidak mempengaruhi kekerapan penggunaan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran. Penemuan juga mendapati bahawa kebanyakan guru di daerah Kinta berkemahiran dalam menggunakan media elektronik asas yang dibekalkan oleh pihak sekolah seperti radio, kaset, OHP dan televisyen. Namun kemahiran ini tidak dapat dimanipulasikan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran kerana kekangan masa, kekurangan bahan dan perisian yang sesuai dan terkini untuk diintegrasikan ke dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, masalah ini perlu mendapat perhatian pihak yang berkaitan supaya tahap penggunaan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan lagi seiring dengan perkembangan teknologi baru dan zaman teknologi maklumat ini. Sungguhpun begitu, pada umumnya guru-guru mempunyai pandangan yang positif terhadap penggunaan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran dan menyatakan tahap penggunaan media elektronik perlu dipertingkatkan lagi bagi mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan bermakna.



ABSTRACT

This study attempt to look at the use of electronic medium in the teaching at the secondary schools, also to identify problems related to the use of the medium and teachers opinion on the effectiveness of electronic medium in the teaching. Respondents of the study arc 153 teachers from eleven of secondary school in Kinta district. Data collection were exercised through the use of questionnaires. The data was than analyzed using statiscal methods such as frequency, percentage, t test, one way ANOVA and Pearson Corelation. The finding showed that the level of use of the electronic medium in the teaching is still low. This has influence to some variables such as lacking of approviate materials, softwares, excessive scholl commitments and time constraints. However result of correlation analysis showed that demographical factors such as age, teaching experince and course exposures do not significantly affect the frequency of use of the electronic medium in the teaching in this district. The finding also showed that most of the teachers in the district possess adequate skills in the using electronics medium supplied to schools such as the radio, OHP, television, LCD, cassette and computers. But the skill wouldn't be fully manipulated in teaching due to lack of relevant materials and softwares, Therefore, these constraint should be looked into by relevant authorities so that the use of electronics medium in the teaching can be increased to correspond to the developement of new technologies and the interest age. However, most of the teachers in the district possess a positive opinion regardly the use of electronic medium in teaching and state that the use should be elevated to create more effective teaching.

KANDUNGAN

	<i>Halaman</i>
HALAMAN JUDUL	ii
KELULUSAN PENYELIA	iii
PENGAKUAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
JUDUL KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SIMBOL SINGKATAN	xiv

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang	5
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Hipotesis Kajian	11
1.6	Kepentingan Kajian	12
1.7	Kerangka Teori	19
1.8	Batasan Kajian	22
1.9	Definisi Operasional	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Konsep Media Elektronik	26
2.3	Teori Sikap dan Pembelajaran	30
2.4	Teori Pembelajaran Berasaskan Teknologi Pendidikan	32
2.4.1	Teori Behaviorisme	32
2.4.2	Teori Sistem	35
2.4.3	Teori Kognitif	38
2.5	Penggunaan Media Elektronik dalam Pendidikan	40
2.6	Rumusan	46

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	48
3.2	Pemilihan Kaedah Kajian	48
3.3	Populasi Kajian dan Sampelan kajian	49
3.4	Instrumen Kajian	51
3.5	Kaedah Analisis Data	54
3.6	Rumusan	55

BAB 4 HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	56
4.2	Kadar Tindak balas terhadap Soal Selidik	57
4.3	Latar belakang Guru-guru di Daerah Kinta	
4.3.1	Jantina	58
4.3.2	Etnik	59
4.3.3	Umur	60
4.3.4	Kelayakan Akademik Tertinggi	61
4.3.5	Taraf Perkahwinan	62
4.3.6	Gred Sekolah	63
4.3.7	Lokasi Sekolah	63

4.3.8	Tempoh Perkhidmatan	64
4.3.9	Tahap Pengetahuan Penggunaan Media Elektronik	65
4.3.10	Pengalaman Menggunakan Media Elektronik dalam P&P	66
4.3.11	Kekerapan Menggunakan Media Elektronik dalam P&P	67
4.4	Analisis Korelasi Variabel-variabel yang Dikaji	67
4.5	Pengujian Hipotesis	69
4.6	Kesimpulan	75

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	76
5.2	Implikasi Dapatan Kajian	77
5.3	Cadangan	79
5.4	Rumusan	82

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

Lampiran	A	Surat Kebenaran Membuat Penyelidikan daripada UPSI
Lampiran	B	Surat Kebenaran Membuat Penyelidikan daripada BPPP
Lampiran	C	Surat Kebenaran Membuat Penyelidikan daripada Jabatan Pelajaran Negeri
Lampiran	D	Instrumen Kajian



SENARAI JADUAL

Jadual

Muka surat

3.1	Sampel Kajian	50
3.2	Skala Respon Lima mata	52
3.3	Analisis Item terhadap Tahap, Kesan dan Masalah menggunakan Media Elektronik dalam P&P	53
4.1	Taburan Responden Berasaskan Jantina	58
4.2	Taburan Responden Berasaskan Etnik	59
4.3	Taburan Responden Berasaskan Umur	60
4.4	Taburan Responden Berasaskan Kelayakan Akademik	61
4.5	Taburan Responden Berasaskan Taraf Perkahwinan	62
4.6	Taburan Responden Berasaskan Gred Sekolah	63
4.7	Taburan Responden Berasaskan Lokasi Sekolah	63
4.8	Taburan Responden Berasaskan Tempoh Perkhidmatan	64
4.9	Taburan Responden Berasaskan Tahap Pengetahuan menggunakan Media Elektronik	65
4.10	Taburan Responden Berasaskan Pengalaman menggunakan Media Elektronik	66
4.11	Taburan Responden Berasaskan Kekerapan menggunakan Media Elektronik	67



- 4.12 Korelasi Pearson Antara Penggunaan Media Elektronik dengan Tahap Pengetahuan, Kesan dan Masalah menggunakan Media Elektronik 68
- 4.13 Ujian t Penggunaan Media Elektronik dengan Jantina 70
- 4.14 Keputusan ANOVA sehala terhadap Penggunaan Media Elektronik di kalangan Guru-guru di Daerah Kinta berasaskan Kelayakan Akademik 71
- 4.15 Keputusan ANOVA sehala terhadap penggunaan Media Elektronik di kalangan Guru-guru di Daerah Kinta berasaskan Tahap Pengetahuan guru terhadap Penggunaan Media Elektronik dalam P&P 73
- 4.16 Keputusan ANOVA sehala terhadap penggunaan Media Elektronik di kalangan Guru-guru di Daerah Kinta berasaskan Pengalaman Mengajar Guru 74



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
Rajah i	Model Penyampaian Maklumat Shannon-Weaver	13
Rajah 2	Kon Pengalaman Dale	16
Rajah 3	Model Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemilihan dan Penggunaan Media Pengajaran	21





SENARAI SIMBOL SINGKATAN

P	-	Keertian / signifiken
F	-	Nilai F
s.p	-	Sisihan Piawai
DF	-	Differences of frequency
M	-	Mean of square
N	-	Bilangan sampel
ANOVA	-	Analisis Varian
SPSS	-	Statistic Package for Sosial Science
P&P	-	Pengajaran dan pembelajaran
KPM	-	Kementerian Pclajaran Malaysia





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan bertaraf dunia sebagai wacana dalam dasar pendidikan negara meletakkan proses pendidikan sebagai satu bidang yang penting dalam kehidupan seharian khususnya di sekolah-sekolah yang berfungsi sebagai institusi perkembangan ilmu. Pengiktirafan yang diberikan terhadap terhadap bidang pendidikan membawa satu implikasi dan impak yang serius terhadap profesion perguruan yang secara langsung terlibat dalam sistem penyampaian ilmu. Pendidikan bertaraf dunia mempunyai wawasan ke arah melahirkan generasi yang mengamalkan budaya fikir, kritis, kreatif dan inovatif. Hanya manusia yang berbudaya fikir dapat bersaing di medan antarabangsa serta menjana idea ke arah pembangunan tamadun ilmu, masyarakat, budaya, bangsa dan negara.

Alaf 2000, bukan sahaja berkehendakkan manusia mengamalkan budaya fikir tetapi bersama-sama menggabungkan penggunaan teknologi dalam sebarang bentuk tindakan. Dalam hal ini profesion perguruan pada alaf baru ini haruslah mampu menguasai dan menggabungkan kemahiran-kemahiran yang berkaitan untuk melahirkan



satu bentuk pendidikan yang lebih bermakna dan bestari. Walau bagaimanapun dalam bidang pendidikan sekarang, kecanggihan teknologi melalui persembahan multimediana bukan hanya faktor yang boleh menjadikan proses pembelajaran itu berkesan. Keberkesanan dan kebestarian sesuatu pengajaran itu masih banyak bergantung kepada faktor manusia iaitu guru yang membuat perancangan. Teknologi hanyalah sebagai faktor pemangkin ke arah mempercepat proses keberkesanannya, manakala kemahiran dari aspek pedagogi serta psikologi adalah diperlukan. Oleh itu guru harus mampu mengintegrasikan ketiga-tiga aspek pedagogi, psikologi dan teknologi dalam proses penyampaian ilmu. Usaha ini harus dilakukan secara berterusan ke arah melahirkan seorang pelajar yang berfikiran kritis dan kreatif, seimbang dari segi inielek, rohani dan jasmani seperti mana yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) hari ini telah menyaksikan pelbagai evolusi dan revolusi kemajuan dunia global. Warga dunia hari ini tidak akan lagi janggal dengan frasa “media elektronik” apabila mereka ditanya mengenainya. Malah ramai yang boleh menginterpretasikan media elektronik melalui pelbagai perspektif yang berbeza-beza.

Secara umumnya, media elektronik merupakan peralatan berasaskan elektronik seperti televisyen, radio, komputer dan sebagainya. Jika dilihat dari perspektif pendidikan yang lebih khusus pula, media elektronik diinterpretasikan sebagai bahan dan alat bantu mengajar yang terdiri daripada peralatan seperti *overhead projector(OHP)*, *slide projector*, *electronic whiteboard*, *digital versetile disk (DVD)*, *liquid crystal display*



(LCD). *video imager* dan lain-lain lagi. Perkembangan teknologi maklumat serta penggunaan media elektronik membawa implikasi yang besar ke atas kehidupan manusia termasuklah dalam bidang pendidikan. Dapat diperhatikan bahawa penggunaan media elektronik dalam bidang pendidikan dapat membantu guru-guru, pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih efektif dan menarik. Selain daripada bahan bantu mengajar, media elektronik khususnya komputer juga boleh digunakan untuk mempercepatkan proses pengurusan dan penilaian di sekolah. Menurut Heinich, et.al (1993) banyak perisian komputer yang boleh dimanfaatkan dalam setiap aspek pendidikan. Sebagai contoh aplikasi perisian *Autoware* dan *Power Point* boleh diintegrasikan ke dalam komputer bagi memudahkan para guru, pensyarah dalam menyediakan nota-nota kuliah yang interaktif. Di samping itu ia juga dapat membantu memudahkan proses penilaian terhadap pelaksanaan tugas atau tutorial kepada para pelajar.

Berlandaskan kepada pembaharuan di dalam kurikulum hari ini, maka sewajarnya para pendidik memikirkan teknik dan strategi yang lebih mantap lagi berkesan bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran (P&P) selain daripada apa yang telah dan sedang dipraktikkan sekarang ini. Selaras dengan tuntutan keadaan ini, maka teknologi pendidikan telah diperkembangkan sehingga alat yang berasaskan media elektronik tidak terbatas penggunaannya. Sejak tahun 1970-an lagi Kementerian Pelajaran Malaysia dengan penuh kesedarannya telah menggalakkan para pendidik memperluaskan penggunaan bahan-bahan sokongan pandang dengar dan media elektronik.





Penggunaan media elektronik ini haruslah standard dengan membina dan melaksanakan standard penggunaan teknologi seperti antaramuka (*interface*), objek dan platform supaya boleh diguna berulang-ulang kali, menyediakan kemudahan berkomunikasi dan meningkatkan keupayaan melaksanakan latihan dan mengakses sumber. Teknologi Pendidikan ialah aplikasi dan penggunaan prinsip-prinsip saintifik merangkumi penggunaan pelbagai elemen berasaskan media elektronik dalam merangka, mereka bentuk dan membina sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan secara bersistem dan berkesan.

Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memberi penekanan terhadap penggunaan pelbagai jenis media elektronik secara terancang supaya dapat mengukuhkan proses pengajaran pembelajaran di sekolah-sekolah. Penggunaan pelbagai jenis media elektronik juga memberi peluang kepada setiap murid untuk menguasai ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih menarik dan berkesan sejajar dengan falsafah pendidikan kebangsaan yang bertujuan untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu (Md. Yusof bin Ayob, 1993). Justeru matlamat murni FPN (Falsafah Pendidikan Negara) bagi melahirkan individu dalam masyarakat yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) akan tercapai.

Pembelajaran berkesan adalah pembelajaran yang menyeronokkan. Keseronokan belajar adalah sesuatu yang diharapkan oleh semua golongan guru terhadap pelajar-



pelajarnya. Keseronokan membawa implikasi pelajar tertarik dan berminat hendak belajar, manakala guru pula mempunyai strategi yang boleh mendorong pelajar-pelajarnya memberi tumpuan serta mengambil bahagian yang menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini dapat diwujudkan sekiranya guru dapat menyampaikan pengajarannya dengan bantuan media pengajaran. Berdasarkan segala kenyataan-kenyataan di atas, maka penyelidik merasakan bahawa adalah relevan jika isu ini dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan para guru di Daerah Kinta bagi meninjau suasana dan budaya pengajaran dan pembelajaran di daerah ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan teknologi masa kini mempengaruhi setiap bidang kehidupan. Tidak ketinggalan juga dalam bidang pendidikan. Aspek teknologi telah digabungkan dalam kurikulum sekolah sebagai satu daya usaha ke arah menyemai dan memupuk minat serta sikap yang positif terhadap perkembangan teknologi. Budaya persekolahan seharusnya diubah daripada sesuatu yang berdasarkan memori kepada yang berpengetahuan, berpemikiran, kreatif, dan penyayang dengan menggunakan teknologi terkini. Atas alasan inilah pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran berhasrat untuk mewujudkan Sekolah Bestari yang sekali gus bertindak mengisi agenda perancangan, dan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor atau MSC). Pelaksanaan Sekolah Bestari membuka ruang seluas-luasnya kepada teknologi komputer yang akan



membolehkan fleksibiliti dan kepelbagaian dibina dalam sistem pendidikan. Suasana ini akan mengurangkan jurang peluang antara mereka yang berada dan berupaya menggunakan teknologi terkini di rumah, dengan mereka yang kurang berada.

Sekolah Bestari yang merupakan salah satu dari tujuh aplikasi yang dijalankan di bawah projek MSC bertujuan untuk meningkatkan lagi sistem pendidikan negara dengan memperkenalkan teknologi maklumat sebagai satu dari komponen dalam persekitaran pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, sekolah harian juga harus tidak ketinggalan untuk sama-sama mengintegrasikan penggunaan pelbagai peralatan teknologi pendidikan dalam proses P&P.



Pihak sekolah kini dalam usaha menyediakan pelbagai peralatan teknologi pendidikan dalam usaha merealisasikan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan teknologi terkini. Pihak pentadbir sekolah harus sedia mengalami evolusi perubahan sebagai merealisasikan apa yang diharap-harapkan oleh pihak kerajaan bagi membuka peluang pendidikan yang berwibawa serta mampu menghadapi cabaran alaf baru serta menjadikan pendidikan di Malaysia bertaraf dunia.

Justeru sebagai inisiatif positif, pihak sekolah harus meningkatkan penggunaan media elektronik dalam proses P&P antaranya melengkapkan semua bilik darjah dan makmal sains dengan pelbagai peralatan multimedia seperti LCD, komputer, DVD, VCR, perakam kaset, video imager, televisyen, internet dan papan putih elektronik. Tambahan





pula kini subjek Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris. Ini akan membolehkan pelajar-pelajar mempelajari Sains dan Matematik khususnya dengan kaedah yang lebih efisien hasil integrasi peralatan teknologi.

Menyedari hakikat bahawa internet dipenuhi dengan gerbang yang menyelaraskan pelbagai kegiatan masyarakat elektronik serta memiliki ciri unik iaitu menyediakan kandungan yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan maklumat, dan sesama sendiri, pihak sekolah kini telah dilengkapi makmal komputer bagi menyediakan pelbagai kemudahan yang boleh diakses oleh para guru mahupun pelajar.





1.3 Pernyataan Masalah

Perkembangan PPBK (Kaedah Pengajaran Pembelajaran Berbantuan Komputer) telah lama wujud sejak tahun 1960-an lagi di Amerika Syarikat dengan menggunakan komputer IBM. Satu projek PPBK yang dinamakan PLATO (Programmed Logic Automatic Teaching Operation) telah dibangunkan dengan kerjasama Universiti Illinois untuk membangunkan bahan perisian kursus untuk digunakan di sekolah-sekolah. Di Malaysia, PPBK telah mula di perkenalkan dengan melibatkan 60 buah sekolah menengah yang dibekalkan 20 buah komputer pada tahun 1993. Suatu bahan perisian yang di namakan ComIL telah di perkenalkan dengan kerjasama MIMOS dan Kementerian Pelajaran. Sekarang ini tumpuan utama PPBK adalah melibatkan empat mata pelajaran iaitu Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kaedah pengajaran menggunakan komputer juga akan semakin berkembang dengan wujudnya Sekolah Bestari yang mana merupakan salah satu dari tujuh aplikasi MSC. Usaha-usaha sedang dijalankan oleh semua pihak untuk menjadikan mutu dan taraf pendidikan dapat ditingkatkan melalui pelbagai aspek dan salah satunya ialah penggunaan bahan-bahan perisian PPBK yang bersesuaian dan menepati kehendak pendidikan semasa.

Jemaah Nazir dan Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pelajaran telah melaporkan bahawa penggunaan sebenar alat dan bahan media elektronik dalam bilik darjah adalah kurang dan tidak memadai (Bahagian Teknologi Pendidikan, 1987). Dari kajian-kajian yang telah dijalankan ke atas penggunaannya di sekolah atau di institusi pengajian tinggi di dapati masih lagi rendah dan tidak memuaskan.



Laporan Jemaah Nazir Sekolah (1984:24) apabila menyentuh tentang penggunaan media elektronik telah menyatakan bahawa:

"Penggunaan sumber-sumber pendidikan oleh murid-murid dan guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran adalah pada kadar yang rendah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kekurangan kemudahan fizikal, kekurangan koleksi sumber-sumber pendidikan, kekurangan tenaga manusia yang terlatih, kelemahan dalam pengurusan pusat sumber sekolah, sikap dan minat guru yang tidak menggalakkan serta kurang bimbingan dan penyeliaan oleh pihak sekolah."

Justeru fenomena ini menunjukkan bahawa budaya menggunakan media elektronik belum boleh dikatakan telah berlaku secara menyeluruh. Kesungguhan pihak penggubal dasar khususnya Kementerian Pelajaran nampak dengan jelas melalui usaha-usaha yang dijalankan secara terus menerus dari semasa ke semasa, tetapi dari segi aspek penerimaan dan pelaksanaannya di peringkat sekolah masih belum memuaskan lagi. Proses pembudayaan media elektronik kelihatan masih dalam bentuk jalan sehalu yang banyak liku-liku dan masih dirintangi oleh pelbagai halangan dan kekangan.

Beberapa pendekatan baru telah dan cuba diperkenalkan di institusi pendidikan dalam usaha memperkenalkan aktiviti yang lebih menarik, bermakna dan menyeronokkan di bilik darjah. Menyedari arus teknologi kini semakin deras, maka para pendidik harus berani bertanggungjawab menjadi agen perubahan dengan menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar khususnya berbentuk elektronik dalam pengajaran mereka. Ini kerana media elektronik berpotensi sebagai alat untuk mengayakan lagi persekitaran pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Objektif Kajian

Tajuk '**Kesan Penggunaan Media Elektronik dalam Pengajaran dan Pembelajaran di kalangan Guru-Guru di Daerah Kinta** ini dipilih adalah berdasarkan kesedaran untuk mengetahui sejauh manakah peralatan teknologi yang disediakan di sekolah-sekolah diaplikasikan serta melihat implikasi (kesan) samada positif mahupun negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Melalui kajian yang dijalankan ini, penyelidik dapat mengetahui sama ada P&P yang mengaplikasikan integrasi media elektronik adalah lebih berkesan jika dibandingkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang hanya menggunakan kaedah konvensional ("*chalk and talk*") atau sebaliknya. Selain itu, penyelidik juga akan dapat mengenal pasti dan mengetahui sikap responden (para guru) bagi mengintegrasikan media elektronik dalam proses P&P terutama guru yang mengajar mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains.

Setelah kajian ini selesai dilaksanakan, penyelidik akan dapat membuat kesimpulan dan mencadangkan beberapa inisiatif yang boleh diambil bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan.

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, penyelidik membentuk empat hipotesis kajian iaitu :

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina para guru di daerah Kinta terhadap penggunaan media elektronik di kalangan para guru di daerah Kinta.

2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kelayakan akademik para guru di daerah Kinta terhadap penggunaan media elektronik di kalangan para guru di daerah kinta.

3. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekerapan pengajaran dan pembelajaran berasaskan media elektronik dengan tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran

4. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekerapan penggunaan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran dengan pengalaman mengajar guru.

1.6 Kepentingan Kajian


Pengkaji berpendapat bahawa kepentingan kajian ini dijalankan bagi melihat keberkesanan penggunaan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru-guru di daerah Kinta, Ipoh.

Heinich (1993) telah menyatakan keberkesanan penggunaan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran kerana manusia belajar 10% melalui pendengaran tetapi 80% melalui deria penglihatan. Beliau menambah lagi bahawa manusia memahami dan mengingati hanya 20% melalui deria pendengaran tetapi lebih 80% melalui pendengaran dan penglihatan. Rasional daripada dapatan tersebut menunjukkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan gabungan semua pancaindera bagi mewujudkan kesan yang maksimum.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1992:2) menjelaskan bahawa semua murid dilahirkan dengan kebolehan, keperluan minat dan lingkungan pengalaman yang berbeza. Kesan daripada keadaan itu, setiap murid mempelajari sesuatu dengan cara yang berlainan dan dengan kecekapan yang juga berbeza. Di sinilah media seperti gambar dan filem boleh memainkan peranan yang penting bagi membantu mempertajam, memperjelas dan mengukuhkan lagi pemahaman akan makna dan konsep sesuatu isi pelajaran.

Dalam konteks ini, model penyampaian maklumat Shannon dan Weaver dalam Heinich (1993) seperti dalam rajah 1 boleh dijadikan landasan dalam pengujahan rasional penggunaan media yang betul dalam penyampaian maklumat secara berkesan.

*Rajah 1 – Ubahsuai Model Penyampaian Maklumat Shannon-Weaver
(dalam Heinich, 1993)*



Jika dipindahkan model tersebut ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kita boleh mengandaikan bahawa:

Sumber maklumat	:	Isi pengajaran guru
Transmitter	:	Guru
Isyarat	:	Media Pengajaran
Penerima	:	Pelajar (melalui mata dan telinga)
Destinasi	:	Otak (pemikiran pelajar)

Menurut Heinich lagi makna /isi /maksud sebenar pengajaran tidak dapat dipindah atau disampaikan secara tepat dan jelas. Apa yang sebenarnya adalah pemindahan simbol oleh guru kepada makna tersebut. Di sinilah penggunaan media seperti simbol dan grafik memainkan peranan penting untuk menajamkan lagi pemahaman kepada makna /isi sebenar dalam pengajaran tersebut. Rasionalnya di sini adalah penerangan sahaja tidak dapat menjelaskan keseluruhan yang ada dalam otak guru. Perlu ada media bagi membantu kekesanan dan pemahaman dalam proses penyampaian ilmu.

Selain itu, kepentingan penggunaan media elektronik dalam pengajaran berkait rapat dengan teori pengajaran dan pembelajaran sendiri iaitu pengajaran seharusnya bermula daripada konkrit kepada yang berbentuk abstrak. Dalam konteks ini seorang ahli psikologi, Jerome Bruner dalam Heinich (1993 : 1) menegaskan bahawa pembelajaran bermakna bermula daripada pengalaman langsung (direct experince) kepada pengalaman iconic (seperti melalui filem dan gambar) kepada “symbolic representation” (seperti

melalui pertuturan). Rumusan hujahnya adalah penggunaan media memberi kesan langsung dalam mencapai sesuatu kemahiran.


“Technology alone, however will not educate us. You could use state of the art technology on the desk of each student in the classroom, but nothing valuable would happen without the vision of an inspired educator” p.1

(Inkpen, S. 1997)

Bagi mengukuhkan kenyataan di atas, Fullan dan Pomfret (1977) menyatakan bahawa para guru perlu berubah sekurang-kurangnya kepada lima dimensi bagi kepentingan pengajaran dan pembelajaran iaitu :

1. Penggunaan bahan yang baru
2. Perlakuan pengajaran
3. Sikap dan kepercayaan
4. Pengetahuan dan fahaman
5. Pembinaan nilai.

Kajian Dale (1964) mengenai tahap-tahap keberkesanan alat bantu mengajar. Beliau membina satu kon yang dinamakan kon pengalaman Dale (seperti rajah 2) untuk menjelaskan tinggi rendah keberkesanan alat bantuan yang digunakan.



Rajah 2 : Kon Pengalaman Dale

Dapatan Dale ini, menyokong teori cuba jaya Thorndike (1933) dan teori pelaziman operan Skinner (1953) yang menyarankan tunjuk cara kemahiran bagi menghasilkan pengajaran yang efektif. Menurut Atan (1991) alat bantu mengajar digunakan adalah untuk menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Dalam pada itu, Erickson dan Curl (1972) menjelaskan bahawa tujuan penggunaan media dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah untuk menjelaskan penyampaian isi pelajaran dan memberi rangsangan kepada pembelajaran pelajar. Pemilihan dan penggunaan alat pandang dengar dalam pengajaran adalah berdasarkan sebanyak mana maklumat yang dapat diterima melaluinya selain faktor kewangan, Lebih banyak deria yang terlibat, lebih banyak maklumat dapat diterima dan disimpan. Perkara ini berasaskan kajian Riggs (1969) yang mendapati kita mengingati purata 10% daripada apa yang kita baca, 20% daripada apa yang kita dengar, 30% daripada apa yang kita lihat, 40% daripada apa yang kita lihat dan dengar, 80% daripada apa yang kita ucapkan dan 90% daripada apa yang kita ucap dan lakukan.

Mohd Dahalan (1989) dan Atan Long (1991) juga menyifatkan keberkesanan sesuatu alat dan bahan bantu mengajar bergantung kepada sejauh mana deria seseorang itu dilibatkan. Media yang melibatkan lebih banyak deria lebih menarik minat dan membantu proses pembelajaran yang lebih banyak. Kajian yang serupa yang dijalankan oleh Harvard Business School (Riggs, 1969) telah menunjukkan maklumat yang diterima oleh otak manusia adalah 1% daripada deria rasa, sentuhan 1.5%, bau 3.5%, pendengaran 11% dan penglihatan 83%. Dapatan kajian tersebut menunjukkan betapa pentingnya

penggunaan media terutama berbentuk elektronik untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

Naim Haji Ahmad (1995:56) menyatakan bahawa apa yang dipaparkan oleh Dale dalam ‘Kon Pengalaman Dale’ dalam rajah 1 menepati dengan konsep dan pandangan aliran pergerakan audio-visual untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan bermakna. Setiap pelajar perlulah melalui beberapa pengalaman yang konkrit. Pengalaman-pengalaman abstrak dan terlalu formal sifatnya perlulah dikurangkan . Oleh itu bahan-bahan audio visual perlu dieksploitasi sebaik mungkin dan diintegrasikan ke dalam kurikulum dengan menggunakan kaedah-kaedah sistematik dan berkesan.

Melalui kajian yang dijalankan ini, penyelidik dapat mengetahui sama ada pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan integrasi media elektronik adalah lebih berkesan jika dibandingkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang hanya menggunakan kaedah konvensional (“*chalk and talk*”) atau sebaliknya. Selain itu, penyelidik juga akan dapat mengenal pasti dan mengetahui sikap responden (para guru) dalam mengintegrasikan media elektronik dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Setelah kajian ini selesai dilaksanakan, penyelidik akan dapat membuat kesimpulan dan mencadangkan beberapa inisiatif yang boleh diambil bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan.

1.7 Kerangka Teori

Model pemilihan dan penggunaan Media Pengajaran Romiszowski (1988:57) merupakan kerangka teori dalam kajian ini. Berdasarkan model ini, proses pemilihan dan penggunaan media pengajaran adalah dipengaruhi oleh beberapa pembolehubah yang berkaitan dengan objektif pembelajaran, faktor guru, perwatakan pelajar, tempat, kemudahan dan kekangan-kekangan dalam pelaksanaan.


Romiszowski menjelaskan bahawa objektif pembelajaran yang ditetapkan dan kehendaki terhadap pelajar akan menentukan pemilihan dan penggunaan media pengajaran yang sesuai bagi mencapai objektif tersebut. Selain itu, pemilihan dan penggunaan media oleh guru dalam pengajaran juga berdasarkan kepada pembolehubah konteks yang dapat dikaji daripada ciri dan perwatakan pelajar-pelajar seperti cara belajar, kemahiran dan minat mereka terhadap pengajaran guru. Jadi pemilihan dan penggunaan media elektronik akan lebih membantu proses penghayatan pengajaran dan pembelajaran tersebut.

Pembolehubah-pembolehubah seperti sikap guru, pengalaman mengajar, kursus-kursus dalam perkhidmatan yang dihadiri, kualiti dan kreativiti guru turut memberi kesan kepada proses pemilihan dan penggunaan media dalam pengajaran. Umpamanya guru yang menghadiri kursus biasanya lebih cekap dan kerap menggunakan media dalam pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran guru juga penting dalam mengendalikan media yang dipilih terutama media elektronik. Cara media disepadukan dalam pengajaran dan pembelajaran dan persepsi guru juga adalah faktor yang turut mempengaruhi kejayaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Romiszowski juga selain daripada itu, pembolehubah-pembolehubah konteks sekolah dan sosial, seperti peranan pihak pentadbir, kekurangan peralatan dan perkakasan serta perisian, peralatan yang rosak, masalah kewangan, sumber perolehan bahan, kemudahan bilik tayangan yang kurang sesuai dan sebagainya boleh memberi kesan dalam proses pemilihan dan penggunaan media pengajaran. Para guru perlu membuat pemilihan kaedah yang sesuai dan media yang sewajarnya digunakan dengan mengambil kira semua faktor di atas supaya objektif pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan dan bermakna.

*Rajah 3 : Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan dan penggunaan media
pengajaran*

(Romiszowski, A,J, (1988))





1.8 Batasan Kajian

Secara umumnya, terdapat seribu satu kesan atau impak daripada penggunaan media elektronik terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang boleh dikenal pasti dan disenaraikan. Namun bagi mengecilkan skop atau fokus bagi kajian yang dijalankan ini, penyelidik hanya memberi penekanan terhadap tahap pengetahuan guru-guru, kesan-kesan serta masalah-masalah yang wujud dalam penggunaan media elektronik semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Selain itu, skop kajian juga difokuskan kepada guru-guru di daerah Kinta sahaja. Seramai 153 orang guru diambil sebagai sampel daripada jumlah populasi guru di daerah Kinta iaitu seramai lebih kurang 6500 orang.



Dapatan kajian ini tidak menggambarkan sepenuhnya penggunaan media elektronik oleh guru-guru sekolah di negeri-negeri lain. Data yang diperoleh adalah bergantung kepada kefahaman dan keikhlasan responden semasa menjawab item-item yang terkandung dalam soal selidik.



1.9 Definisi Operasional

a. Penggunaan

Penggunaan membawa maksud keperihalan menggunakan sesuatu atau pemakaian (Teuku Iskandar, 1992:384). Dalam konteks kajian ini, penggunaan merujuk kepada pengaplikasian media elektronik oleh guru dalam prosese pengajaran.

b. Media

Sharifah Alwiah Alsagof (1992:28) menjelaskan bahawa media merupakan apa jua alat perkakasan yang biasa digunakan untuk menyampaikan maklumat antara manusia. Lebih khusus lagi bahawa media ialah ikhtiar-ikhtiar untuk memperoleh, memproses dan menyusun kembali maklumat pandang dan dengar dengan cara grafik, fotografik, elektronik ataupun cara mekanik. Naim Haji Ahmad (1993:21) pula menjelaskan bahawa media termasuk segala jenis-jenis alat yang dapat dijadikan saluran untuk menyampaikan mesej pengajaran termasuk segala alat bantu mengajar dan alat pandang dengar yang dapat merangsang indera pelajar bagi memahami mesej pengajaran yang disampaikan.

c. Media elektronik

Media elektronik merupakan segala perkakasan dan perisiannya yang menggunakan punca elektrik atau bateri sebagai sumber kuasanya. Dalam kajian

ini, ia merujuk kepada perkakasan yang diguna pakai di sekolah-sekolah iaitu alat-alat audio visual seperti radio, perakam suara, video, televisyen, perakam video, komputer, OHP, LCD, DVD dan sebagainya.

d. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan satu usaha yang berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang. Mengikut Mat Hussain Haji Dullah (1996), pengajaran adalah suatu perihal nyata atau memberikan sesuatu pengetahuan atau latihan dengan berpanduan kepada sesuatu matlamat tertentu.

Naim Haji Ahmad (1993) pula menjelaskan pengajaran sebagai satu proses komunikasi yang dilakukan secara seni dan berteknologi untuk melahirkan manusia sempurna dari segi rohani, jasmani, intelek dan emosi.

e. Guru

Guru bermaksud pendidik, pengajar atau pengasuh. Dalam kajian ini, konteks guru merujuk kepada pendidik yang sedang berkhidmat di 11 buah sekolah menengah di Daerah Kinta, Ipoh yang menjadi sampel dalam kajian ini.